

**BAB 9**

**TINDAKAN BAGI PELANGGARAN**

**KAEDAH 901 KUASA**

**KAEDAH 901.1 KUASA**

- (1) Jika Peserta melakukan apa-apa pelanggaran Kaedah-kaedah ini atau Arahan, Bursa Bonds boleh, setelah rundingan dengan Suruhanjaya, mengambil mana-mana tindakan berikut terhadap Peserta:
- (a) mengarahkan mana-mana tindakan diambil untuk meremedi pelanggaran itu;
  - (b) amaran;
  - (c) teguran peribadi;
  - (d) mengenakan sekatan atau menggantung atau menamatkan akses kemudahan dalam ETP kecuali Pelaporan atas terma itu sebagaimana yang Bursa Bonds sifatkan patut; atau
  - (e) mengenakan apa-apa tindakan lain sebagaimana yang Bursa Bonds sifatkan patut.

**KAEDAH 901.2 PEMBERITAHUAN**

- (1) Bursa Bonds akan, sebelum mengambil apa-apa tindakan di bawah Kaedah 901.1, memberitahu Peserta secara bertulis pelanggaran yang dikatakan dan menyediakan Peserta peluang untuk menerangkan dalam rangka masa yang dinyatakan dalam notis.
- (2) Setelah mempertimbangkan penjelasan yang diberikan, jika Bursa Bonds dapat bahawa pelanggaran telah dilakukan oleh Peserta, Bursa Bonds akan memberitahu Peserta secara bertulis tindakan yang diambil terhadap Peserta.
- (3) Apa-apa ketidakpatuhan dengan tindakan yang diambil di bawah Kaedah 901.1 dan apa-apa terma yang dikenakan dalam notis keputusan oleh Peserta akan dianggap sebagai pelanggaran Kaedah-kaedah ini dan tindakan selanjutnya boleh diambil.

## **KAEDAH 902 RAYUAN**

### **KAEDAH 902.1 HAK RAYUAN**

- (1) Peserta boleh merayu terhadap apa-apa tindakan yang diambil di bawah Kaedah 901.1 dalam tempoh empat belas (14) hari dari penerimaan notis di bawah Kaedah 901.2.
- (2) Penguatkuasaan tindakan terhadap Peserta akan digantung sementara menunggu keputusan rayuan.
- (3) Jika Bursa Bonds menolak rayuan itu, tindakan di bawah Kaedah 901.1 akan berkuat kuasa terhadap Peserta.

[Tamat Bab 9]